



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWK M pada 04 November 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	Continue Fight Against Sexual Abuse: Nancy https://www.dailyexpress.com.my/news/245270/continue-fight-against-sexual-abuse-nancy/ https://www.nst.com.my/news/nation/2024/11/1128731/nancy-shukri-not-easy-enforce-statutory-rape-laws-traditional-marriages https://thesun.my/malaysia-news/kpwkm-will-sustain-child-advocacy-programme-to-fight-sexual-abuse-nancy-CD13232451 https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1150774/sukar-laksana-undang-undang-rogol-terhadap-perkahwinan-bawah-umur-secara https://www.nst.com.my/news/nation/2024/11/1128753/sexual-abuse-advocacy-programmes-empower-victims-speak-out-says-nancy https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/11/03/child-protection-advocacy-programme-to-continue-in-schools https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-teruskan-program-advokasi-gangguan-seksual-terhadap-kanak-kanak-494527	Daily Express NST The Sun Harian Metro NST The Star Astro Awani	

	<p>https://www.theborneopost.com/2024/11/02/ministry-to-extend-child-sexual-crimes-advocacy-programme-to-schools-nationwide/</p> <p>https://thesun.my/cerita/berita/kpwkm-teruskan-program-advokasi-perangi-gangguan-seksual-terhadap-kanak-kanak-KD13232811</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/11/02/kpwkm-teruskan-program-advokasi-jenayah-seksual-kanak-kanak-di-sekolah-nancy</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/advokasi-antigangguan-seksual-diperluas-kpwkm-komited-lindungi-kanak-kanak</p>	<p>The Borneo Post</p> <p>The Sun</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Berita RTM</p>	
2.	<p>Sarawak Pertama Wujudkan Bilik Kasih Wanita Sebagai Ruang Rehat Jururawat Di HUS</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/11/02/sarawak-pertama-wujudkan-bilik-kasih-wanita-sebagai-ruang-rehat-jururawat-di-hus</p> <p>https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2358851</p> <p>https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news_bajet.php/news.php?id=2358827</p> <p>https://www.theborneopost.com/2024/11/02/sarawak-general-hospital-launches-first-of-its-kind-bilik-kasih-wanita-for-female-nurses/</p>	<p>Utusan Borneo</p> <p>Bernamea</p> <p>Bernamea</p> <p>The Borneo</p>	
3.	<p>Wanita Mampu Tonjol Kebolehan Dengan Anjurkan Aktiviti Sukan - Nancy</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-sukan/wanita-mampu-tonjol-kebolehan-dengan-anjurkan-aktiviti-sukan---nancy-494650</p> <p>https://www.theborneopost.com/2024/11/03/santubong-sports-league-2024-launched/</p>	<p>Astro Awani</p> <p>The Borneo Post</p>	Neutral

	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2359051 https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1319207/wanita-mampu-tonjol-kebolehan-dengan-anjurkan-aktiviti-sukan-nancy https://www.newsarawaktribune.com.my/ministry-to-hold-family-camping-programme-in-lundu/ https://www.tvsarawak.my/2024/11/03/wanita-mampu-tonjol-kebolehan-dengan-anjurkan-aktiviti-sukan-nancy/	<p>Bernama</p> <p>Berita Harian</p> <p>New Sarawak Tribune</p> <p>TV Sarawak</p>	
4.	<p>JKM Pahang Terima RM10 Juta Hadapi Monsun Timur Laut</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1319413/jkm-pahang-terima-rm10-juta-hadapi-monsun-timur-laut#google_vignette</p>	<p>Berita Harian</p>	Neutral
5.	<p>Tempat Ambil Wuduk Jauh, Seolah Tiada Empati Kepada OKU - Jemaah OKU</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/694523/edisi/selangor-kl/tempat-ambil-wuduk-jauh-seolah-tiada-empati-kepada-oku--jemaah-oku#google_vignette</p>	<p>Sinar Harian</p>	Neutral
6.	<p>100 Rumah Di Sekijang Rosak Akibat Ribut Dalam Tempoh 15 Minit</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/100-rumah-di-sekijang-rosak-akibat-ribut-dalam-tempoh-15-minit/#google_vignette</p>	<p>Buletin TV3</p>	Neutral
7.	<p>Warga Emas Ditemukan Mati Seorang Diri Dalam Rumah Di Kuala Krai</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-ditemukan-mati-seorang-diri-dalam-rumah-di-kuala-krai-494646</p> <p>https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2359173</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Bernama</p>	Neutral

	https://www.sinarharian.com.my/article/694524/berita/semasa/mayat-warga-emas-ditemukan-di-ruang-tamu https://www.buletintv3.my/nasional/warga-emas-mati-seorang-diri-dalam-rumah-di-kuala-krai/ https://www.kosmo.com.my/2024/11/03/pesara-bomba-meninggal-dunia-seorang-diri-dalam-rumah/#google_vignette	<p>Sinar Harian</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Kosmo</p>	
8.	<p>Jahidah Masih Terlantar, Anak Kini Berstatus OKU</p> https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jahidah-masih-terlantar-anak-kini-berstatus-oku-494602 https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1319151/jahidah-masih-terlantar-anak-disahkan-oku-adik https://www.kosmo.com.my/2024/11/03/anak-jahidah-kini-berstatus-oku-perkembangan-tidak-normal/ https://www.sinarharian.com.my/article/694467/edisi/johor/jahidah-masih-terlantar-anak-kini-berstatus-oku https://www.utusan.com.my/nasional/2024/11/anak-jahidah-kini-oku-perkembangan-tidak-normal/	<p>Astro Awani</p> <p>Berita Harian</p> <p>Kosmo</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Utusan</p>	Neutral

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

CONTINUE FIGHT AGAINST SEXUAL ABUSE: NANCY



“As long as there are reported cases of sexual harassment of children, we will never stop... with the current situation, especially the advancement of technology, there are many ways for this issue of sexual harassment to occur,” Nancy said. - pix Bernama

KUCHING: The Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) will continue to mobilise the “Child Protection Advocacy Programme: Kasih Kanak-kanak” nationwide in rallying the communities to fight sexual offences against minors.

Its Minister Datuk Seri Nancy Shukri said KPWKM and the Ministry of Education have held the programme in 327 schools this year.

“We targeted 300 schools, and we have reached 109 per cent and we will not stop implementing this programme because we have more than 10,000 schools in Malaysia.

“As long as there are reported cases of sexual harassment of children, we will never stop... with the current situation, especially the advancement of technology, there are many ways for this issue of sexual harassment to occur,” she said.

She was commenting on the 2024 Child Statistics report, which stated that sexual offences committed against children reported to police increased by 26.5 per cent to 1,567 cases in 2023 compared to 1,239 in the previous year.

SARAWAK PERTAMA WUJUDKAN BILIK KASIH WANITA SEBAGAI RUANG REHAT JURURAWAT DI HUS



Nancy (tiga kiri) menyaksikan penyerahan beberapa tajaan daripada rakan strategik bagi Anjung Kasih dan Bilik Kasih Wanita di HUS, hari ini.

KUCHING: Sarawak menjadi negeri pertama yang mewujudkan Bilik Kasih Wanita, ruangan khas untuk kegunaan para jururawat yang bertugas di Hospital Umum Sarawak (HUS).

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato Sri Nancy Shukri berkata, Bilik Kasih Wanita adalah perkhidmatan tambahan yang disediakan untuk membantu para jururawat wanita yang memerlukan ruangan khas untuk berehat semasa bertugas.

"Ini adalah sesuatu yang baharu dan yang pertama kita buat di Malaysia dan kita berterima kasih kepada penaja kita, Perinsuran Brokar yang telah menaja RM76,300 untuk projek ini.

"Untuk permulaan, Bilik Kasih Wanita ini akan diwujudkan di tiga wad iaitu wad bersalin, wad perubatan wanita dan wad perubatan lelaki dan insya-Allah, akan ditambah lagi jika ada keperluan dan penaja," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Serahan Tajaan Rakan Strategik Yayasan Kebajikan Negara Malaysia bagi Anjung Kasih dan Bilik Kasih Wanita di HUS di sini, hari ini.

Terdahulu dalam ucapannya, Nancy berkata, Bilik Kasih Wanita dilengkapi dengan pelbagai fasiliti yang memberikan keselesaan dan ruang peribadi kepada jururawat wanita yang sedang mengandung, ibu yang perlu mengepam susu dan pada masa yang sama perlu menguruskan rumah tangga dan anak-anak untuk mendapatkan masa rehat yang lebih optimum.

Penggunaan ruang rehat yang selesa dan serba lengkap itu katanya, akan dapat menguruskan keletihan mereka agar dapat memberikan perkhidmatan terbaik serta mengelakberlaku kesilapan akibat keletihan semasa bertugas.

Nancy berharap negeri-negeri lain akan turut tergerak untuk mewujudkan Bilik Kasih Wanita di hospital negeri masing-masing dengan kerjasama rakan strategik.

Mengenai rancangan untuk mewujudkan Anjung Kasih Kedua di HUS, Nancy berkata, ia masih dalam perancangan serta pengumpulan dana bagi merealisasikannya.

"Kita memang sudah ada Anjung Kasih tetapi tidak mencukupi kerana keperluan berbeza di setiap tempat.

"Malah di Kuching, semasa saya menemu bual penghuninya ada yang sudah berada di sini tiga bulan dari Miri dan Kabong.

"Sebab itu, kita sedaya upaya menyediakan perkhidmatan ini untuk membantu keluarga atau waris pesakit kita yang memerlukan termasuk di Sibul, Miri dan Bintulu," katanya.

Pada majlis itu, Yayasan Amanah Raya turut memberikan tajaan berjumlah RM250,000 bagi penggantian kemudahan seperti katil, tilam, bantal, almari dan keperluan asas penghuni Anjung Kasih HUS.

Yayasan Kebajikan Negara juga menambah elemen baharu dengan mewujudkan Bilik Kasih Keluarga untuk Anjung Kasih menerusi tajaan RM52,500 daripada Alliance Islamic Bank Berhad.

Hadir sama Pengarah HUS Dr Ngian Hie Ung, Pengarah Urusan Kumpulan Amanah Raya Berhad merangkap Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Kebajikan Negara Ahmad Feizal Sulaiman Khan dan Ketua Pegawai Eksekutif Perinsuran Brokar Sdn Bhd Siti Rafidah Tan Sri Adenan

WANITA MAMPU TONJOL KEBOLEHAN DENGAN ANJURKAN AKTIVITI SUKAN – NANCY



Nancy bercakap pada Sesi Sembang Santai bersama pelajar semasa Lawatan Kerja ke Politeknik Kuching dan Majlis Perasmian Pertandingan Badminton Beregu Wanita Parlimen Santubong, di Kuching, 3 Nov 2024. -- fotoBERNAMA

KUCHING: Melaksanakan aktiviti di peringkat lokaliti mampu mendidik pemimpin baru terutamanya golongan wanita, untuk menunjukkan kebolehan mengelolakan acara sukan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata dengan pembudayaan sukan juga boleh meningkatkan tahap kecergasan fizikal dan mental masyarakat.

Beliau berkata aktiviti itu juga dapat membantu mengenal pasti bakat sukan, meningkatkan produktiviti, menjana kesejahteraan dan memupuk semangat perpaduan dalam kalangan warga kita.

"Kehidupan yang sihat dengan bersukan dan pemakanan yang betul akan mampu menurunkan kadar penyakit kronik dalam kalangan wanita dan seterusnya meningkatkan jangka hayat rakyat Sarawak pada masa akan datang," katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Santubong berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Program Sports League 2024 di Politeknik Kuching di sini, semalam.

Nancy berkata penganjuran Program P.193 Santubong Sports League 2024, merupakan usaha berterusan pihak Pusat Khidmat Rakyat P.193 Santubong, untuk menggalakkan rakyat mengamalkan budaya hidup sihat cergas dan aktif.

"Selain itu, melalui program ini juga, diharap akan dapat memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat dengan beriadah bersama rakan dan keluarga.

"Perpaduan kaum akan tercapai sekiranya kita mencapai kata sepakat dan saling menghormati antara satu sama lain. Sukan satu wadah penghubung yang baik mencapai perpaduan antara kaum," katanya.

JKM PAHANG TERIMA RM10 JUTA HADAPI MONSUN TIMUR LAUT



KUANTAN: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pahang menerima peruntukan sebanyak RM10 juta daripada kerajaan Pahang bagi perbelanjaan pengurusan menghadapi bencana Monsun Timur Laut (MTL).

Pengarah JKM Pahang, Khairul Amri Ahmad, berkata bantuan berkenaan membabitkan penyediaan dan penyelenggaraan pusat pemindahan sementara (PPS) mangsa bencana bagi memastikan keselesaan sepanjang mereka berada di sana.

Selain itu, katanya bantuan turut membabitkan penyediaan dan mengedarkan bantuan makanan, pakaian serta lain-lain keperluan asas kepada mangsa yang terpaksa berpindah selepas rumah mereka ditenggelami banjir.

Menurutnya, tumpuan turut diberikan pada proses pendaftaran mangsa bencana bagi tujuan pemulihan selain memberi bimbingan, nasihat termasuk kaunseling kepada mangsa bencana terutama bagi mereka yang kehilangan harta benda hingga menyebabkan kerugian besar.

"Tahun ini jabatan menyediakan sebanyak 858 PPS seluruh negeri ini yang mampu menampung seramai 166,295 mangsa bencana dalam satu masa yang dilengkapi pelbagai kemudahan bagi keselesaan mereka.

"Selain dewan serbaguna dan sekolah, turut dijadikan PPS ialah balai raya dan surau dengan setiap PPS mampu menempatkan antara 200 hingga 2,000 mangsa pada satu-satu masa," katanya, dihubungi di sini semalam.

Beliau berkata, setiap mangsa banjir dibekalkan barangan makanan dan keperluan lain seperti selimut, kain, tuala, tikar, makanan sedia, lampin pakai buang dan sabun.

Khairul Amri berkata, jabatan juga telah menyediakan sebanyak 164 pangkalan hadapan bagi menempatkan barang-barang makanan kering seperti beras, minyak masak, gula, garam, kopi, teh, kari ayam, sardin dan biskut.

Katanya, pihaknya telah selesai menghantar barangan keperluan asas bencana seperti toto, selimut, tikar, tuala, kit kebersihan, kain batik, kain pelikat, makanan sedia dimakan, lampin pakai buang kanak-kanak dan dewasa ke semua stor bencana daerah pada Ogos lalu bagi persiapan menghadapi bencana banjir.

Menurutnya jabatan berharap mereka yang tinggal di kawasan rendah dan mudah berlaku banjir segera berpindah jika diarahkan pihak berkuasa bagi mengelak kejadian buruk. Mereka yang terbabit perlu berpindah pada waktu siang bagi memudahkan pihak berkuasa menyediakan kemudahan diperlukan seperti bot dan kenderaan.

"Walaupun musim tengkujuh sudah bermula namun buat masa ini tiada lagi PPS dibuka disebabkan bencana banjir. Cuma terdapat satu PPS dibuka di Dewan Komuniti Kampung Sungai Ruil, Cameron Highlands yang disebabkan akibat bencana tanah runtuh membabitkan seramai 70 mangsa daripada 12 keluarga," katanya.

WARGA EMAS DITEMUKAN MATI SEORANG DIRI DALAM RUMAH DI KUALA KRAI

KUALA KRAI: Seorang warga emas lelaki ditemukan telah meninggal dunia seorang diri di dalam sebuah rumah dekat Taman Orkid di sini oleh orang awam, semalam. Ketua Polis Daerah Kuala Krai Supt Mazlan Mamat berkata mayat lelaki berusia 61 tahun itu, ditemukan pada 9.53 malam dalam keadaan terbaring di ruang tamu rumah tersebut.

"Keadaan mayat sudah berbau busuk sehingga mengeluarkan cairan hitam dan hasil siasatan mendapati lelaki terbabit tidak berkahwin serta tinggal di rumah bersendirian.

"Pemeriksaan ke atas badan mayat pula tidak menemui sebarang unsur yang boleh dikaitkan dengan kegiatan jenayah," katanya dalam kenyataan hari ini.

Mazlan berkata mayat dihantar ke Hospital Sultan Ismail Petra di sini untuk bedah siasat dan siasatan terperinci masih dijalankan oleh pihaknya.

JAHIDAH MASIH TERLANTAR, ANAK KINI BERSTATUS OKU



Jahidah (kiri) masih masih terlantar di atas katil, manakala anaknya kini berstatus orang kurang upaya (OKU). - Gambar fail/Sinar Harian

JOHOR BAHRU: Keadaan wanita yang sebelum ini koma dipukul suami, Jahidah Nordin, 46 masih masih terlantar di atas katil manakala anaknya kini berstatus orang kurang upaya (OKU).

Jahidah Nordin masih terlantar di atas katil dan anaknya, Eshan Nufail, kini berstatus OKU kerana pertumbuhan yang perlahan.

Eshan Nufail kini sudah berusia 3 tahun namun masih tidak mampu berjalan dan bertutur seperti kanak-kanak normal lain sebayanya.

Mahkamah Sesyen Johor Bahru menangguhkan keputusan kes Rosmaini Abd Raof yang didakwa menyebabkan kecederaan parah terhadap Jahidah, ke 9 Disember.

Rosmaini didakwa menyebabkan kecederaan parah terhadap Jahidah pada Mei 2021, yang mengakibatkan Jahidah koma dan melahirkan anak semasa dalam keadaan koma.

Perkembangan itu dimaklumkan adik Jahidah, Fauziah, 43, ketika ditemui di pekarangan Mahkamah Sesyen di sini, pada Ahad.

Menurutnya, Eshan Nufail kini sudah berusia 3 tahun namun masih tidak mampu berjalan dan bertutur seperti kanak-kanak normal lain sebayanya.

"Keadaan kakak (Jahidah) masih sama, hanya terbaring atas katil, diberikan susu menerusi tiub dan perlu diuruskan keluarga sepenuhnya.

"Sementara Eshan Nufail, disahkan sebagai OKU kerana pertumbuhan yang perlahan termasuk masih tidak boleh bercakap serta berjalan selain memiliki berat hanya 9.5 kilogram.

"Eshan juga perlu menjalani rawatan fisioterapi dan amat memerlukan perhatian rapi dari kami sekeluarga," katanya.

Fauziah tiba dari Nilai, Negeri Sembilan, pada Sabtu ditemani abangnya Mujahid, 46, yang datang dari Kota Kinabalu, Sabah.

Mahkamah Sesyen Johor Bahru, pada Ahad menangguhkan keputusan kes peniaga yang didakwa menyebabkan kecederaan parah terhadap bekas isterinya, Jahidah Nordin@Sylvester sehingga koma tiga tahun lalu ke tarikh 9 Disember depan, selepas tertuduh tidak hadir ke mahkamah.

Hakim Fatimah Zahari membuat keputusan itu selepas peguam tertuduh, Mohd Salleh Togimin, memaklumkan anak guamnya, Rosmaini Abd Raof, 41, dimasukkan ke Hospital Pendang, akibat sesak nafas, petang Sabtu.

Pada 17 Jun 2021, Rosmaini, dilaporkan tidak mengaku bersalah atas pertuduhan menyebabkan kecederaan parah terhadap bekas isteri ketiganya, itu.

Kes Jahidah itu pernah menggemparkan negara berikutan wanita berkenaan dilaporkan hamil ketika dipukul sehingga parah dan koma. -Sinar Harian